



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

FENOMENA AIR PASANG BESAR

21 SEPTEMBER 2016

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengambil tindakan sewajarnya dengan kerjasama kerajaan negeri bagi menangani masalah banjir besar yang melanda kawasan pesisir pantai Selangor berikutan fenomena air pasang besar yang berlaku baru-baru ini.

Ban-ban pantai serta struktur pencegahan hakisan dibina bagi mengelakkan kemasukan air laut ke kawasan daratan terutamanya ketika fenomena air pasang besar berlaku. Dalam isu ini, JPS bercadang menambah baik ban yang dibina di pesisiran pantai di Selangor berdasarkan peruntukan dan isu ini turut akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri agar ianya diberi perhatian khusus kelak.

Secara umumnya, julat pasang surut adalah berbeza di setiap kawasan pesisir pantai Malaysia iaitu dalam julat antara 1.8 meter – 6.1 meter. Kawasan yang mempunyai julat pasang surut yang tinggi dan bertopografi rendah lebih cenderung untuk ditenggelami sekiranya air pasang besar berlaku. Kawasan-kawasan pesisir pantai barat Semenanjung Malaysia secara amnya adalah landai dan rendah.

Kejadian tersebut yang tertumpu di kawasan pantai barat terutama di persisiran pantai Negeri Selangor adalah disebabkan oleh kedudukan geografi yang paling terkesan oleh fenomena air pasang besar ini. Di samping itu, kejadian tersebut juga disebabkan fenomena peningkatan aras laut dunia yang mengakibatkan aras selamat bagi struktur ketinggian ban-ban sedia ada tidak mampu menahan air laut daripada masuk ke kawasan daratan.

Daripada analisis data pasang surut yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk tahun 2016 dan perbandingan dengan ramalan yang dibuat daripada perisian pasang surut Google Play, *Tide Forecast* yang menggunakan data *Permanent Service for Mean Sea Level (PSMSL)* (psmsl.org) menunjukkan fasa bulan penuh jatuh pada tarikh 16 hingga 20hb September 2016. Oleh yang demikian, fenomena ini sebenarnya sudah diramal dan dijangkakan dari awal.

Bagaimanapun, ketinggian air pada kali ini mungkin dipengaruhi kesan pertembungan air pasang besar, ombak kuat, pusuan ribut (storm surge) dan angin kencang yang berlaku menyebabkan ianya melebihi ketinggian ban dan air melimpah ke bahagian daratan dan seterusnya menyebabkan banjir.

Sebagai persediaan menghadapi bencana banjir, JPS bersedia sedia menyalurkan maklumat jadual pasang surut kepada semua penjaga pintu air bagi tujuan operasi pembukaan dan penutupan pintu air, dan aset-aset JPS berupa pam disediakan untuk operasi pengepaman bagi menyalurkan air banjir.

Di samping itu, makluman dan hebahan kemungkinan banjir serta maklumat jadual pasang surut dipanjangkan kepada agensi-agensi berkaitan dan pelaksanaan kerja-kerja awalan seperti penyelenggaraan serta pembaikan sistem saluran di bawah seliaan JPS sebagai persediaan menghadapi kemungkinan banjir

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara daripada bencana banjir.